

## PM ucap tahniah kepada Marcos Jr

Jun 30, 2022 @ 8:32pm



KUALA LUMPUR: Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, merakamkan ucapan tahniah kepada Ferdinand Romualdez Marcos Jr yang mengangkat sumpah sebagai Presiden Filipina yang ke-17 hari ini.

"Saya berharap hubungan Malaysia dan Filipina akan terus kukuh demi kejayaan bersama," katanya menerusi catatan di Facebook, sambil turut memuat naik poster memaparkan gambar Marcos Jr dengan ucapan tahniah.

Marcos Jr, 64, mengangkat sumpah sebagai presiden ke-17 republik itu di Muzium Negara, Manila selepas memenangi pilihan raya pada Mei lalu dengan memperoleh kemenangan terbesar sejak 1986.

Anak kepada Ferdinand Marcos itu menggantikan Rodrigo Duterte.

Untuk rekod, Filipina adalah rakan dagang ke-15 terbesar Malaysia, dengan jumlah dagangan bernilai RM32.53 bilion (AS\$7.84 bilion) pada 2021, peningkatan 24.6 peratus berbanding nilai direkodkan pada 2020. – BERNAMA